

Omar berkorban demi Cuepacs

Kenaikan gaji kakitangan awam kejayaan paling manis

Oleh Azman Mahmood

Profil

Nama: Omar Osman

Umur: 56 tahun

Kerja: Juruteknik Pusat Sukan di Universiti Putra Malaysia.

Jawatan sekarang: ● Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).
● Pengerusi Gabungan Kesatuan-kesatuan Universiti Malaysia (Gakum).
● Presiden Kesatuan Kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM).
● Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Sains dan Teknologi.
● Ahli Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pencen Ahli Majlis Penasihat Pakar Ekonomi Majlis Harga Negara

Pelajaran: Sekolah Menengah Vokasional Johor Bahru.

"KETIKA sibuk menyelesaikan urusan tuntutan gaji kakitangan awam tahun lalu, saya hampir terlepas penerbangan dari Sandakan, Sabah ke Kuala Lumpur. Sebaik tiba di Lapangan Terbang Sandakan, nama saya dipanggil untuk kali terakhir. Saya terus berlari dengan mengendong beg dan sampai saja Kuala Lumpur pula terus sambung penerbangan ke Kota Bharu untuk berjumpa ahli Cuepacs sana.

"Sungguh letih ketika itu sepanjang tempoh enam bulan pertama 2007, saya dan anggota Majlis Tertinggi Cuepacs berjuang siang malar untuk mendapatkan kenaikan gaji kakitangan awam yang akhirnya berjaya," kata Presiden Cuepacs, Omar Osman dalam pertemuan dengan *Berita Harian* di pejabatnya di Kompleks Sukan Universiti Putra di Sedang baru-baru ini.

Malah, ada ketika beliau tidak bertemu keluarga selama seminggu kerana perjuangan untuk kepentingan kakitangan awam.

"Saya melalui detik yang amat sukar dan meleihkan bekerja untuk memastikan tuntutan Cuepacs mendapat perhatian kerajaan supaya semakan gaji kakitangan awam dapat dibuat

KONVENSYEN TRITAHUNAN CUEPACS KE-24

SESI 2007 - 2010
10 HINGGA 12 DISEMBER 2007



OMAR (kanan) berbincang bersama para perwakilan Cuepacs selepas berjaya mengekalkan jawatan sebagai Presiden Cuepacs pada Konvensyen Tritahunan Cuepacs ke-24 sesi 2007-2010 di Wisma MCA.




OMAR (kanan) berbincang dengan sebahagian kakitangan kontrak dan sambilan Jabatan Pelajaran Kelantan yang tidak dilanjutkan perkhidmatan sambil diperhatikan Pengerusi Cuepacs Kelantan, Shamsudin Mohd Noor di Bachok.

"Inilah pengalaman hidup saya yang amat berat demi perjuangan sebuah badan sukarela untuk kakitangan awam mendapat apa yang mereka tuntut. Saya cakap pada isteri dan anak-anak supaya sabar dan memahami tugas saya pikul demi amanah kakitangan awam. Alhamdulillah mereka faham..." katanya.

Satu perkara orang ramai mungkin tidak tahu ialah sebagai presiden Cuepacs beliau hanya menerima elaun RM300 sebulan.

"Apa yang hendak dibanggakan dengan jawatan ini kerana orang melihat begitu 'glamour' dengan publisiti, sentiasa berunding dengan kepimpinan tertinggi negara membabitkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan sehingga kepada pemimpin nombor satu negara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Bagi Omar jika diukur dengan elaun itu, ia sememangnya tidak padan. Sebab itu, menjadi Presiden Cuepacs memerlukan kesabaran dan ketabahan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas untuk membela nasib pekerja



sektor awam.

"KSN terkejut apabila saya memberitahu bahawa presiden Cuepacs hanya menerima elaun RM300 sebulan. Tetapi, saya tidak kisah kerana yang penting memastikan kebajikan pekerja tidak diabaikan dan mendapat perhatian kerajaan," katanya.

Ditanya beliau pernah menerima kritikan kerana usaha yang bersungguh-sungguh membela nasib kakitangan

awam, beliau tidak menafikan hakikat itu, tetapi kritikan membuatkan dirinya semakin kuat semangat untuk berjuang. "Adalah suara sumbang yang dengar, mereka kata dapatkah Cuepacs apa yang dituntut itu (kenaikan gaji) sehingga 40 peratus.

"Mereka tidak yakin terhadap apa yang diusahakan Cuepacs. Akhirnya usaha itu menjadi kenyataan apabila Perdana

Menteri meluluskan tuntutan kita sehingga 35 peratus kenaikan gaji sekali gus membuktikan sikap prihatin Abdullah mengenai hak dan kebajikan kakitangan awam.

"Namun, saya tidak mudah tergugat dengan kata-kata itu (sumbang), sebaliknya terus mendapat sokongan dan dorongan rakan seperjuangan dalam Cuepacs untuk terus membela nasib pekerja," katanya.

Mengenai perjuangan Cuepacs membuat tuntutan kenaikan gaji yang diluluskan kerajaan Julai tahun lalu, Osman menyifatkannya itulah pencapaian terbaik dalam sejarah perjuangan Cuepacs kerana berjaya meyakinkan kerajaan sehingga Perdana Menteri meluluskan semakan itu, iaitu kenaikan terbaik dalam tempoh 20 tahun.

Apa yang dinikmati kakitangan awam sekarang membuktikan kerajaan prihatin kepada golongan itu yang secara tidak langsung pengiktirafan terhadap sumbangan mereka kepada kerajaan.

"Bagi saya pengumuman semakan gaji oleh Perdana Menteri tahun lalu adalah saat paling menggembirakan,

kerana selepas berjuang begitu lama akhirnya kita dapat apa yang diusahakan," katanya.

Ditanya bagaimana sebagai seorang juruteknik beliau boleh mengetuai satu organisasi yang ahlinya 1.2 juta orang, Omar berkata: "Orang lihat kepada kepimpinan kita kerana sedia mendengar masalah, bertanggungjawab dan ikhlas dari segi perjuangan.

"Untuk menjadi pemimpin tak semestinya ada kelulusan tinggi. Tak ada kelulusan tertentu untuk jadi pemimpin. Walaupun hanya belajar setakat sekolah vokasional, berkat usaha dan keyakinan diri serta bukan pemalu, saya sampai ke tahap ini.

"Malah, di bangku sekolah lagi saya bercita-cita menjadi pemimpin besar dan pembela rakyat. Saya juga sering dilantik sebagai ketua kelas dan ketua pasukan bola sepak di sekolah saya dulu.

"Sikap dan latar belakang inilah yang membawa saya kepada kedudukan saya sekarang," katanya.

Beliau juga berkata komitmennya dengan Cuepacs bagaimanapun tidak menjejaskan tugas hakikinya di Universiti Putra Malaysia (UPM). UPM faham tugas sampingan dan sentiasa memberi pelepasan jika perlu.

Sebelum menyertai UPM sebagai atendan makmal pada 1974, Omar bekerja sebagai penyelia di sebuah kilang di Kuala Lumpur.

Matlamat beliau sekarang untuk memastikan sektor awam Malaysia menjayakan wawasan kerajaan untuk menjadi antara yang terbaik di dunia, memperbaiki kedudukan nombor enam di dunia ketika ini.


"Saya mahu pelaksanaan tugas yang membabitkan urusan dengan orang ramai semakin cepat, kerja di kaunter semakin cekap. Cuepacs meletakkan sasaran sehingga hujung tahun ini untuk memperbaiki sistem kerja, termasuk penyampaian kerajaan seperti dikehendaki Perdana Menteri.

MESYUARAT GABUNGAN MAJLIS PRESIDEN DAN SETIAUSAHA KEHORMATAN KESATUAN KAKITANGAN UNIVERSITI DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA (GAKUM)

Dirasmakan oleh :

Y. A. Prof. Ismail Hassan
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

13 Februari 2007



Naib Canselor UTeM, Datuk Prof Ismail Hassan (tengah) bersalaman dengan Presiden Kesatuan Kakitangan UTeM (KEKUTeM), Jamal Nasir Abd Wahab diiringi Omar selepas ucapan perasmian Mesyuarat Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormatan Kesatuan Kakitangan Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (Gakum) Ke-26 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), baru-baru ini.